



Penjawat awam mendengar ucapan Perdana Menteri pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga JPM, semalam.  
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

## Penjawat awam dapat duit raya RM500

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah yang akan dibayar Jumaat ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju menyalurkan BKK Aidilfitri kepada semua pe-sara kerajaan, termasuk veteran berpen-cen serta tidak berpen-cen.

“Hari ini (semalam), bersama-an 21 Ramadan 1445, saya umum-kan, kerajaan bersetuju menya-lurkan Bantuan Khas Kewangan

(BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lan-tikan kontrak.

“Insya-Allah saya sudah mak-lumkan kepada Perbendaharaan supaya BKK Aidilfitri disalurkan mulai Jumaat ini, 5 April 2024,” katanya pada Majlis Perhimpun-an Bulanan Bersama Warga Ja-batan Perdana Menteri (JPM) di PUSPANITAPURI, semalam.

Bulan lalu, penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lan-tikan kontrak turut menerima ba-yaran insentif awal Kajian Sistem

Saraan Perkhidmatan Awam (SS-PA) sebanyak RM2,000 yang di-salurkan pada 23 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Anwar ber-kata, beliau memahami kesuka-ran yang dihadapi penjawat awam walaupun sudah meneri-ma bayaran insentif awal RM2,000 sebelum ini.

Sementara itu, Presiden CUE-PACS, Datuk Dr Adnan Mat, me-nyifatkan BKK Aidilfitri yang di-umumkan Perdana Menteri, se-malam, menunjukkan kepimpi-nan Anwar sentiasa terbuka mendengar pandangan.